



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 4

15hb Februari 2007

TAMBAHAN
No. 1

KANUN TANAH NEGARA NATIONAL LAND CODE

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH
BAGI MAKSUD AWAM

NOTICE OF PROPOSED REVOCATIONS OF RESERVATION
OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

No. 701.

Bahawasanya, melalui *Warta Kerajaan Johor Pemberitahuan No. 46* bertarikh 28 Disember 1960, Pesuruhjaya Tanah dan Galian, Johor pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 10 Enakmen Tanah [Enakmen No. 11 Tahun 1910], telah mengisyiharkan bahawa petak tanah, iaitu No. P.T.D. 79465, 79466, 72280, Mukim Pulai dalam Daerah Johor Bahru seluas 385 ekar, dan ditandakan di atas Pelan Bil. G. 71-60 yang disimpan di Pejabat Ukur dan Pemetaan, Johor, menjadi suatu tanah rizab bagi tapak Kawasan Rizab Hutan Sungai Kemudi dan Sungai Bahan yang diletakkan di bawah jagaan Jabatan Hutan Negeri Johor dan pengganti-penggantinya dalam jawatan;

Dan bahawasanya adalah didapati suaimanfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya perizaban tersebut dibatalkan setakat keluasan yang diperihalkan dalam Jadual;

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 Tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Akta mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban yang tersebut itu yang diperihalkan dalam Jadual dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Johor di suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Johor, Aras 4, Bangunan Sultan Ibrahim, Johor Bahru pada pukul 9.00 pagi, pada 12 Februari 2007.

WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

670

[15hb Feb. 2007]

JADUAL

Daerah—Johor Bahru. Mukim—Pulai. No. Pelan—G. 71-60. No. P.T.D.—79465, 79466 dan 72280. Luas—385 ekar.

Bertarikh 9 Februari 2007
[PTG I/43/2000; PTDK 5002/96;
PUNJ BIL.(PU2)5 JLD. 12(22)]

NASRI BIN MD. ALI
*Timbalan Pengarah Negeri
Pejabat Tanah dan Galian Johor*

Whereas, by Johore Government *Gazette* Notification No. 46 published on 28 December 1960, the Commissioner of Lands and Mines, Johor, in exercise of the powers under section 10 of the Land Enactment [Enactment No. 11 of 1910], proclaimed that the parcel of land being P.T.D. No. 79465, 79466, 72280, Mukim Pulai in the District of Johor Bahru, having the area of 385 acres, and delineated upon Plan No. G. 71-60 deposited in the office of the Survey and Mapping, Johor, to be reserved for a public purpose, to wit, a site for the forest reserved of Sungai Kemudi and Sungai Bahan to be under the charge of the State Secretary in Johor and to be maintained by the Forest Department State of Johor and his successors in office;

And whereas it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation be revoked to the extent described in the Schedule;

Now therefore, in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the Act of the proposal to revoke the reservation to the extent of the area described in the Schedule and that any person who desires to object against such revocation will be heard by the Director of Lands and Mines, Johor at an enquiry to be held at the Director of Lands and Mines Office, Johor, Aras 4, Bangunan Sultan Ibrahim, Johor Bahru at 9.00 a.m. on 12 February 2007.

SCHEDULE

District—Johor Bahru. Mukim—Pulai. Plan No.—G. 71-60. P.T.D. No.— 79465, 79466 and 72280. Area—385 acres.

Dated 9 February 2007
[PTG I/43/2000; PTDK 5002/96;
PUNJ BIL.(PU2)5 JLD. 12(22)]

NASRI BIN MD ALI
*Deputy State Director
Lands and Mines Office Johor*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN JOHOR BAHRU, 2007
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
www.printnasional.com.my, email:pnmbjb@printnasional.com.my